

02 FEB 2002

BSKL-MINGGUAN/I

BSKL KEKAL AKTIF MINGGU DEPAN DGN JANGKAAN KENAIKAN PRA TAHUN BARU CINA

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Dagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka kekal cergas apabila pasaran dijangka mencatatkan sekali lagi kenaikan pra Tahun Baru Cina, kata peniaga-peniaga.

Mereka berkata tumpuan adalah kepada saham mewah terpilih pada awal minggu depan tetapi kenaikan seterusnya mungkin dihalang oleh kegiatan pengambilan untung pada lewat minggu.

Pada masa yang sama, minat terhadap saham papan kedua dan saham rendah serta saham berharga murah akan muncul pada hari-hari terakhir dagangan minggu depan.

Bursa saham itu dijangka cergas kembali apabila pengurus-pengurus dana dan pelabur-pelabur asing yang membuat belian rancak beberapa minggu lalu akan menjual pegangan mereka minggu ini.

Mereka berkata pengurus-pengurus dana dijangka tidak memasuki pasaran dengan membiarkan peruncit-peruncit mengambil bahagian dalam kebanyakan kegiatan dagangan.

Para peniaga berkata sejak 10 tahun lalu terdapat aliran di mana pelabur-pelabur akan menjual pegangan mereka seminggu sebelum sambutan Tahun Baru Cina manakala peruncit-peruncit akan menyertai pasaran sehingga dua atau tiga hari sebelum perayaan itu bermula.

Oleh itu, peniaga-peniaga menjangka paras 730- mata adalah tahap yang paling tinggi boleh dicapai oleh Indeks Komposit apabila jumlah dagangan minggu depan dijangka tidak akan bertambah kepada purata 500 juta.

Ketika ini, jumlah dagangan dalam pasaran hanya berjaya mencapai antara 200 dan 260 juta.

Bagaimanapun, sentimen pasaran dijangka kekal positif di tengah-tengah kecairan yang besar di pasaran tempatan seperti yang dicerminkan dengan peningkatan dalam rizab luar.

"Antara saham yang perlu diberi perhatian adalah saham perjudian dan juga saham syarikat-syarikat berkaitan IT," kata seorang peniaga.

Bagi minggu yang baru berakhir, pasaran mendapat rangsangan daripada beberapa berita korporat termasuk usaha-usaha menyusun semula sektor korporat negara yang kini sudahpun mendapat rentaknya kembali.

Antara berita-berita utama adalah berkaitan syarikat pengangkutan negara, Malaysia Airlines (MAS), di mana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menjelaskan bahawa MAS tidak akan digugurkan daripada senarai di Papan Utama BSKL sebagai sebahagian daripada cadangan penyusunan semula kumpulan itu.

Tumpuan juga terarah kepada Telekom Malaysia ekoran pengesahan daripada Dr Mahathir bahawa syarikat utiliti itu berminat untuk mengambilalih Technology Resources Industries Bhd (TRI).

Selain itu Cahya Mata Sarawak Bhd (CMSB) juga mencuri perhatian apabila Perdana Menteri mengesahkan Utama Banking Group, yang dimiliki oleh CMSB, diberikan tempoh lanjutan bagi cadangan penggabungannya RHB Bank dan berharap niaga janji itu dapat diselesaikan.

Saham Rashid Hussain Bhd ditutup tinggi minggu ini sebanyak tujuh sen kepada RM2.36, manakala RHB Capital susut dua sen untuk ditutup rendah pada RM2.69.

Technology Resources Industries (TRI) meningkat 16 sen untuk ditutup tinggi padat RM3.28, Malaysia Airlines tidak berubah pada RM3.84, Cahya Mata Sarawak Bhd menambah enam sen kepada RM2.23 manakala Utama Banking Group naik lapan sen kepada RM1.79.

Dalam minggu yang baru berakhir ini, dua syarikat disenaraikan setiap satu di Papan Utama dan Papan Kedua BSKL.

LBS Bina, disenaraikan di Papan Utama apabila pemaju hartanah itu mengambilalih status penyenaian Instangreen Group Bhd yang berasaskan pembinaan.

Sementara itu, London Biscuits Bhd, yang memulakan dagangan sulung di Papan Kedua BSKL terlibat dalam pengeluaran snek jagung, kek dan produk makanan ringan lain yang kebanyakannya berasaskan kepada bahan mentah tempatan.

LBS Bina ditutup minggu ini rendah sebanyak tujuh sen kepada RM1.38 manakala London Biscuits meningkat 52 sen kepada RM2.02.

Indeks Komposit (IK) menambah 25.24 mata untuk ditutup minggu ini lebih tinggi kepada 718.82 daripada 693.58 pada Jumaat sebelumnya.

Indeks Emas meningkat 5.34 mata kepada 172.20, Indeks Papan Kedua susut 0.37 mata kepada 134.66, Indeks Teknologi meningkat 1.30 mata kepada 58.34, manakala Indeks Perusahaan menambah 34.73 mata kepada 1,356.66.

Jumlah dagangan di Papan Utama tinggi pada 1.194 bilion saham bernilai RM2.562 bilion berbanding 900.216 juta saham bernilai RM1.786 bilion minggu lalu.

Jumlah dagangan di Papan Kedua, bagaimanapun rendah pada 195.733 juta saham bernilai RM2.928 juta berbanding 307.061 juta saham bernilai RM663.331 juta pada minggu sebelumnya.

Urusniaga langsung berjumlah 54.550 juta saham bernilai RM90.561 juta berbanding 119.218 juta saham bernilai RM123.695 juta sebelumnya.

Mengikut sektor di Papan Utama, barangan pengguna menyumbang 76.982 juta saham diniagakan di Papan Utama, barangan perusahaan menyumbang 101.822 juta; pembinaan 82.095 juta; dagangan/perkhidmatan 263.686 juta; teknologi 9.263 juta; prasarana 7.714 juta; kewangan 250.784 juta; hotel 16.118 juta; harta 99.448 juta; perladangan 23.706 juta; perlombongan 2.888 juta; amanah 458,000; dana tertutup 336,600; pinjaman 20.780 juta dan TSR/Warrant 237.465 juta.

Menerajui saham paling cergas adalah Arab Malaysian Corporation Bhd dengan 73.420 juta saham diniagakan, diikuti oleh Commerce-Asset warrants dengan 55.226 juta saham, CSM Corporation Bhd 45.760 juta, Magnum Bhd 32.799 juta dan AMMB 31.493 juta saham.

Kaunter lain adalah RHB-warrants B dengan 31.099 juta saham, Intria 28.709 juta, Ho Wah Genting Bhd 26.621 juta, Metroplex 24.586 juta manakala Technology Resources Industries (TRI) 21.958 juta saham.

Arab Malaysian Corporation ditutup tinggi minggu ini sebanyak tiga sen kepada 89.5 sen, Commerce-Asset warrants meningkat 10 sen kepada 67.5 sen, CSM Corporation susut dua sen kepada RM1.32, Magnum Bhd rendah lapan sen kepada RM2.46 manakala AMMB menambah 22 sen kepada RM4.48.

RHB warrants B naik dua sen kepada 46 sen, Intria tidak berubah pada RM1.09, Ho Wah Genting Bhd susut 12 sen kepada RM1.37, Metroplex rendah satu sen kepada 28 sen manakala TRI meningkat 16 sen kepada RM3.28.

Sementara itu di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebutharga Automasi Malaysia (Mesdaq), Indeks Komposit Mesdaq menambah 7.92 mata kepada 96.18.

Saham komponennya, Kotra Pharma menambah 10 sen untuk ditutup tinggi sedikit pada RM1.05 dengan 22,00 lot diniagakan RM22,470 manakala Palette meningkat lapan sen kepada 80 sen dengan 1,000 lot diniagakan bernilai RM761.

Sementara itu Disccomp Bhd yang baru disenaraikan ditutup tinggi sebanyak 10 sen pada 60 sen dengan 35,000 lot diniagakan bernilai RM30,650.

Kaunter kelima di MESDAQ, Disccomp mencatatkan 100 peratus premium pada RM1.00 selepas 48 minit dagangan, daripada harga tawaran 50 sen dengan 24,000 lot diniagakan.

Sementara itu, Supercomal Technologies dan Intelligent Edge kekal tidak

diniagikan hari ini. -- BERNAMA
WNZ MKO ZK